

Mauritania, suatu republik Islam di Afrika Barat, adalah gurun yang luas; sentiasa panas, kering dan sangat berhabuk. Sistem undang-undangnya merupakan gabungan Syariah (undang-undang Islam) dan undang-undang awam Perancis. Mauritania mendapat kemerdekaannya daripada negara Perancis pada tahun 1960, sejak itu ia telah melalui beberapa rampasan kuasa berturut-turut serta konflik

kepuakan yang berterusan. Kemarau yang teruk dalam dekad-dekad yang lalu telah hampir membinasakan negara ini. Terdapat lebih dari 600,000 orang penduduk yang tinggal di ibukotanya Nouakchott, dan ia telah menjadi suatu persimpangan jalan bagi banyak suku ethnik dengan asal-usul gaya hidup nomad.

Seorang Kristian yang baru-baru melawat negara ini menghuraikan keadaan orang-orang Mauritania yang percaya. “Kamu bebas bercakap kalau kamu seorang

penganut Islam. Kamu bebas memilih agama kalau kamu seorang Muslim. Sebenarnya OK untuk kamu menjadi seorang Kristian, tetapi sekiranya kamu berkata tentang Yesus selain dari sebagai seorang nabi, kamu akan menyinggung perasaan orang lain.”

Dalam keadaan ini, Tuhan sedang melakukan perkara-perkara luarbiasa, walaupun terdapat pengawal-pengawal yang kadang-kadang berdiri di luar pintu gereja untuk memastikan bahawa tiada warganegara Mauritania yang

memasukinya. Tuhan telah memberikan wahyu kepada orang-orang Mauritania melalui mimpi. Pada pedalaman negara ini, seorang Imam telah menayangkan filem Yesus di masjid. Imam ini kemudiannya telah meninggal dunia, dan hasil daripada kerjanya kurang jelas, akan tetapi penaburan benih sedemikian perlu berterusan. Melalui kasih karunia Tuhan, sekarang terdapat orang-orang Mauritania yang mengikut Kristus di banyak negara di sekitar dunia.

Kesaksian dari Mauritania:

Tidak lama selepas dia percaya kepada Kristus, Bokar telah memberitahu rakan-rakan Kristiannya bahawa dia ingin membuang suatu baju kebal kepunyaannya, yang telah ditulis dengan ayat-ayat Qur'an dan dianyam dengan banyak azimat. Baju seperti ini dipercayai akan menjadikan pemakainya kebal kepada sebarang senjata. Ia merupakan suatu kuasa ghaib yang paling berkuasa bagi orang-orang Hal-Pulaar (Fulani). Beberapa orang Mauritania rasa takut dan mengatakan bahawa baju itu tidak dapat dimusnahkan, bahawa ia akan melompat

keluar dari api. Selepas banyak berdoa, Bokar telah membakar bajunya itu, dan hasilnya dia mengalami pertumbuhan hebat dalam kehidupan rohaninya. Ramai yang mendengar hal ini rasa kagum dan hormat akan kuasa Injil.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar seluruh penduduk Mauritania yang berjumlah lebih daripada tiga juta orang ini akan mendapat wahyu akan kasih Tuhan. Sering kali terdapat

ketegangan di antara suku-suku kaum di sini (Soninké, Fulani, Maures, Wolof, dll.) yang kadang kala membawa keganasan. Penceraian berleluasa, dan kaum wanita dan kanak-kanak yang menderita kerananya.

* Kebanyakan orang-orang Mauritania menghadapi kemiskinan yang amat teruk, ini membawa kepada perasaan putus asa. Berdoalah untuk penyelesaian bagi kemiskinan di negara ini.

* Meskipun negara ini di dalam genggaman Islam, kepercayaan kafir masih diamalkan oleh kebanyakan orang di sini. Ketakutan akan roh-roh jahat (dikenali sebagai jinn) mengikat ramai orang. Ramai yang mencari bantuan ghaib melalui ilmu sihir dan tilikan. Berdoalah untuk campurtangan Tuhan untuk melepaskan orang ramai daripada kuasa kegelapan, dan agar setiap orang Kristian menjadi “kuat di dalam Tuhan, di dalam kekuatan kuasa-Nya.” (Efesus 6:10)

Islam diterangkan:

Seorang marabout merupakan pemimpin rohani dalam kepercayaan Islam seperti yang diamalkan di Afrika Barat dan Utara. Seorang marabout biasanya mahir dalam Qur'an, dan membuat banyak azimat. Kadang kala mereka menguruskan upacara-upacara, dan menjadi pembimbing rohani bagi orang lain.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim